

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

**DARIPADA : Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD
(LANGKAWI)**

PERTANYAAN : LISAN

TARIKH : 12.11.2014

Y.B. DATO' IR. HAJI NAWAWI BIN AHMAD [LANGKAWI] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah Kerajaan menyedari dan langkah susulan yang diambil oleh Kerajaan bagi mengatasi kekeliruan yang timbul di kalangan para pengguna berikutan tindakan ramai peniaga yang telah mengeksploitasi penggunaan akronim GST sebagai (Goverment Service Tax) seolah-olah Kerajaan telah mula melaksanakan GST (Good and Services Tax) walaupun tarikh pelaksanaan sebenar GST (Goods and Services Tax) akan bermula pada April 2015.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, GST yang dimaksudkan telah dicaj oleh peniaga adalah *government service tax* atau cukai perkhidmatan dan bukannya *Goods and Services Tax* (GST). Perkara ini berbangkit ekoran penggunaan nama ringkasan atau akronim yang sama. Terdapat juga peniaga yang telah menukar atau menaiktaraf sistem perkomputeran sebagai persiapan untuk melaksanakan GST. Sehubungan itu, mereka telah meletakkan perkataan "GST" dalam invois mereka tetapi sebenarnya tiada GST yang dikenakan buat masa sekarang.

Sehubungan dengan isu yang timbul, Kementerian Kewangan sentiasa mempergiatkan program kesedaran dan latihan GST dari semasa ke semasa untuk meningkatkan kefahaman masyarakat mengenai Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang akan dilaksanakan mulai 1 April 2015. Program kesedaran dan latihan GST telah dijalankan semenjak 2010 kepada tiga golongan sasaran iaitu pengguna, peniaga dan jabatan Kerajaan. Program penerangan GST kepada pelajar-pelajar sekolah, IPTA dan IPTS serta penduduk kampung juga turut dilaksanakan. Program-program seperti ini dijalankan dengan kerjasama Kementerian/Jabatan Kerajaan dan Persatuan-persatuan pengguna seperti Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK),

Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM), Majlis Keselamatan Negara (MKN), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Jabatan Hal Ehwal Khas (JASA), Jabatan Penerangan, SME Corp. Malaysia, Gabungan Persatuan-Persatuan Pengguna Malaysia (FOMCA), Persatuan Pengguna Islam Malaysia (PPIM) dan Badan-badan Bukan Kerajaan yang lain.

Di dalam memastikan pihak peniaga meremitkan amaun pungutan cukai yang betul, Kerajaan akan membuat program pengesanan awal melalui kaedah audit meja dan audit transaksi ke atas borang penyata cukai yang dikemukakan oleh pihak peniaga pada setiap tempoh bercukai. Pasukan audit GST juga akan menjalankan pengauditan luar ke atas rekod dan akaun perniagaan syarikat bagi memastikan tiada sebarang aktiviti manipulasi cukai yang telah dilakukan oleh pihak peniaga. Selain daripada itu, sistem penilaian risiko GST adalah merupakan kaedah pengesanan berkomputer yang akan memberi amaran (*alerts*) berhubung dengan kes-kes yang berisiko tinggi.

Kerajaan akan terus mempergiatkan lagi penjelasan dan kempen penerangan GST melalui media cetak dan elektronik. Secara umumnya, rakyat yang telah mengikuti program kesedaran, menerima baik cadangan pelaksanaan GST pada April 2015.

Bagi golongan peniaga yang merupakan kumpulan kritikal dalam pelaksanaan GST, Kerajaan telah dan sedang menjalankan program-program taklimat dan latihan melalui tiga kaedah iaitu samada dianjurkan sendiri oleh pihak Kerajaan atau pihak swasta ataupun secara bersama oleh Kerajaan dan pihak swasta.

Orang ramai boleh berhubung dengan JKDM di talian bebas tol iaitu 1 300 888 500 atau menyemak di portal GST iaitu gst.customs.gov.my untuk mendapatkan pengesahan mengenai status sesebuah perniagaan itu sama ada berdaftar dengan GST atau layak mengenakan cukai perkhidmatan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan 1975 pada masa ini. Tindakan akan diambil sekiranya terdapat syarikat yang mengutip cukai tanpa dilesenkan di bawah Akta Cukai Perkhidmatan sebelum pelaksanaan GST.